

05 APR 1997

Annuar-UMNO

ANGGOTA UMNO PERLU LEBIH FLEKSIBEL DENGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

KUALA BERANG, 5 April (Bernama) -- Anggota UMNO di Kelantan perlu bersikap fleksibel dan menerima dengan terbuka hubungan yang bertambah baik antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang dipimpin PAS berikutan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri itu semalam.

Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Datuk Annuar Musa berkata UMNO tidak pernah menjadi satu parti yang sempit dan tidak dapat menerima orang lain.

"Saya tahu ada reaksi yang bercampur terutama di peringkat bawahan (terhadap lawatan Perdana Menteri dan hubungan lebih rapat antara kerajaan) kerana mereka tidak dapat menerima hakikat bekerjasama dengan PAS," kata beliau kepada pemberita semasa melawat Tasik Kenyir dekat sini hari ini.

Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata mereka perlu memberi sambutan positif terhadap lawatan Perdana Menteri dan pendekatan yang beliau ambil serta jangan terlalu banyak prejudis dan berfikiran sempit.

Katanya apa yang dilakukan Dr Mahathir telah dibincangkan dengan UMNO Negeri bagi mendapatkan nasihat dan pandangan.

"Apa yang perlu dilihat ialah sama ada ia memberi kebaikan kepada parti dan kita mesti tahu bagaimana hendak menggunakan kesempatan ini untuk manfaat kita," kata beliau.

Annuar berkata anggota parti di negeri itu perlu memandang perkara itu dalam perspektif yang betul dan jika perlu, membuat perubahan dalam cara berfikir.

Katanya beliau akan membuat penjelasan yang terperinci kepada pimpinan peringkat negeri berhubung ucapan Dr Mahathir semasa lawatan itu termasuk perjumpaan tertutup dengan pegawai kerajaan dan ahli korporat.

Beliau berkata jika perlu, beberapa tindakan susulan akan diambil termasuk muzakarah dan sesi sumbang-saran bagi membolehkan anggota menerima perubahan itu dengan baik dan terbuka. -- BERNAMA

SBJ AKD